



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD SALLEH
TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENGAMBILALIHAN DEWAN
OLEH
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**DEWAN MEGAPURI,
TINGKAT 30, MENARA DBKL 1
JALAN RAJA LAUT, WP KUALA LUMPUR**

**28 MAC 2019 (KHAMIS)
JAM 11.00 PAGI**

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Yang Berbahagia Datuk Ibrahim Yusoff
Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi**

**Yang Berbahagia Datuk Mahadi Ngah
Pengarah Eksekutif Perancangan**

**Yang Berbahagia Datuk Mohd Najib Mohammad
Pengarah Eksekutif Pembangunan**

**Yang Berbahagia Datuk Mustafa Nor Mohd
Pengarah Eksekutif Pengurusan**

Ketua Pengarah

Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara

Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan

Ketua-ketua Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Wakil Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan

Pertubuhan/Persatuan yang menguruskan dewan sedia

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

- 1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama hadir ke majlis pada pagi ini untuk menyaksikan penyerahan pengurusan dewan orang ramai atau dewan masyarakat oleh Pertubuhan/NGO kepada DBKL.**
- 2. Sepertimana tuan/puan maklum, pembangunan sesebuah negara dan bandarnya adalah bermula dari masyarakat atau penduduk yang mendiami dalam satu penempatan. Membangunnya masyarakat dari segi minda dan tahap kesihatan bererti membangunkanlah sesuatu penempatan itu dengan pelbagai kemudahan dan keselesaan. Maka bandaraya Kuala Lumpur yang akan menuju ke arah Bandaraya bertaraf Dunia, perlu membangun minda**

dan kesihatan warganya agar dapat hidup secara bersama, harmoni dan ceria.

- 3. Dalam usaha untuk menjadikan masyarakat yang berdaya maju mindanya, kerajaan sentiasa bekerjasama dengan pihak NGO untuk merancang dan menyediakan pelbagai program atau aktiviti bercorak pembangunan masyarakat. Maka dengan itu, banyak kemudahan-kemudahan prasarana telah disediakan oleh kerajaan seperti mengadakan pusat rekreasi, kompleks sukan, dewan orang ramai atau dewan komuniti. Kemudahan-kemudahan ini dibina oleh kerajaan samada menerusi ICU atau pun DBKL.**

- 4. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur setakat ini terdapat lebih kurang 324 unit dewan yang terdiri dari kompleks sukan,**

dewan komuniti dan dewan orang ramai. Dewan-dewan ini dibina atas keperluan penduduk setempat yang memerlukan dewan sebagai kemudahan bagi menjalankan pelbagai aktiviti kebudayaan, sosial, sukan dan juga keagamaan.

5. Walau bagaimanapun didapati juga ada berlaku penyalahgunaan dewan-dewan ini oleh segelintir pihak pengurusan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi keutamaan kepada kumpulan tertentu menggunakan dewan, menjadikan sebagai markas untuk aktiviti-aktiviti tidak sihat, mengambil kesempatan mengaut keuntungan sendiri dan sebagainya.

5. Maka dengan itu, saya berpendapat kesemua dewan-dewan yang diuruskan oleh pihak pengurusan sediada ini perlu

diambilalih oleh DBKL untuk diuruselia bagi tempoh sementara sebelum diserahkan kepada Persatuan/NGO yang berminat dan berwibawa untuk menguruskannya.

6. Untuk makluman tuan/puan, dari pemeriksaan pihak DBKL bersama dengan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, terdapat sebanyak 140 unit dewan telah dibina atas tanah milik kerajaan dan juga DBKL manakala 55 adalah di atas tanah milik persendirian. Pembinaan dewan-dewan ini pada suatu ketika dahulu adalah berdasarkan keperluan mendesak yang dipohon oleh persatuan penduduk setempat atau pun agensi kerajaan yang lain untuk menjalankan aktiviti atau program. Dalam keadaan sedemikian, terdapat pembinaan dewan tidak menepati

perancangan dan juga kesesuaian guna tanah.

7. Dengan pengambilalihan dewan ini, banyak perkara DBKL akan teliti seperti pemeriksaan struktur bangunan, pelan perancangan, status kegunaan tanah dan mengadakan satu bentuk pengurusan dewan yang akan memberi kesaksamaan penggunaan oleh penduduk setempat. Setelah tindakan terhadap dewan ini selesai, pengurusan akan diserahkan kepada persatuan atau pertubuhan yang berminat, berpotensi dan tidak cenderung kepada mana-mana *ideology* akan ditawarkan oleh DBKL. Sekiranya persatuan atau pertubuhan semasa mempunyai "*track record*" yang baik dalam menguruskan dewan secara teratur maka DBKL bersedia

untuk menawarkan pengurusan kepada mereka.

8. Saya difahamkan tindakan untuk pengambilalihan dewan ini telah pun bermula pada Disember tahun 2018 lagi sehinggalah pada Februari 2019 yang lalu, di mana sebanyak 119 dewan telah diberi notis secara pentadbiran. Ini hanya melibatkan dewan-dewan yang berada di atas tanah kerajaan dan DBKL. Dewan-dewan di atas tanah milik persendirian tidak diambilalih kerana ianya adalah diluar bidang DBKL.
9. Dari jumlah 119 notis yang dikeluarkan hanya 69 pengurusan dewan telah bersetuju untuk menyerahkan kepada DBKL. Pada hari ini difahamkan terdapat 36 pengurus dewan dari 8 kawasan Parlimen telah

bersetuju hadir bagi menyerahkan kunci dewan kepada DBKL. Dan untuk itu, saya mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

10. Sebagai timbalan menteri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kerjasama sebegini amat dialu-alukan dan disanjung demi kebaikan dan pembangunan masyarakat.

11. Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya mengakhiri ucapan ini.

Sekian, terima kasih.